

Deria Rasa dalam Kiasan Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin*

Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mengenal pasti deria rasa yang merangkumi manis, masam, masin dan pahit dalam kiasan Melayu dan perkaitan dengan budaya dan akal budi penutur. Tumpuan analisis ini adalah pada kiasan yang menunjukkan empat tunas rasa serta asosiasinya seperti gula, madu dan tebu mewakili rasa manis, garam rasa masin, asam rasa masam serta peria, mambu, hempedu dan timun dendang mewakili rasa pahit. Kajian berbentuk kualitatif ini mengaplikasikan teori semantik dengan kaedah inkuisitif yang merupakan gabungan antara teori relevans dengan maklumat mendalam budaya setempat. Kombinasi ini amat penting untuk memperjelas falsafah di sebalik objek dan imej yang dipilih dalam kiasan. Data kiasan Melayu dikumpul daripada dua buah buku, iaitu Kamus Istimewa Peribahasa Melayu dan Kamus Peribahasa Melayu serta laman sesawang Malay Civilization UKM. Analisis rangka rujuk silang dilakukan terhadap deria rasa yang terdapat dalam kiasan Melayu berdasarkan data korpus yang wujud. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu sehingga ke akal budi penuturnya. Ketersiratan makna masam, manis, masin dan pahit serta makna yang berasosiasi dengan rasa juga dapat dicungkil dan dikaitkan dengan alam masyarakat penuturnya. Tingkah laku positif dan negatif serta nasihat telah ditemukan di sebalik makna ini. Kajian ini juga dapat membuktikan hubungan bahasa, masyarakat dan pemikiran dalam kiasan Melayu berdasarkan pendekatan yang digunakan.

Kata kunci: Akal budi Melayu, bahasa kiasan, budaya, deria rasa, semantik inkuisitif

Figuratively Sense in Malay Proverb: A Semantics Inquisitive Analysis

ABSTRACT

The objective of this study is to identify four basic senses that are sweet, sour, salty and bitter in Malay proverbs and its relation to the Malay intellectual and culture. The main focus of this study is to analyze the proverbs that show senses

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:
Dihantar: 22 Mei 2014
Diterima: 28 November 2014

E-mail:

nurafiqahwanmansor@gmail.com (Nur Afiqah Wan Mansor),
shima@ukm.edu.my (Nor Hashimah Jalaluddin)

* Penulis Pengehubung

as well as object that associated with the senses such as sugar, honey and sugar cane represent sweetness, salt for salty, tamarind for sour and finally peria, mambu, hempedu and timun dendang represent bitterness. This qualitative research uses semantic theory with inquisitive method that combines relevance theory with the in depth local culture information. The combination is vital in explicating the philosophy behind as to why objects and images are chosen in proverbs. The data are collected from Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, Kamus Peribahasa Melayu and Malay Civilization UKM website. Bridging Cross Reference (RRS) is applied to the data related to senses from corpus. A fusion between RRS along with the broad cultural information will be able to produce various interpretations of Malay proverbs up to the intellectuality of the speakers. The result demonstrates that Malay intellectual and culture can be assigned to Malay proverbs. The implicit meaning of sour, sweet, salty and bitter and the associated meaning hence are very closely related to the native speakers. Positive and negative behavior, advices can be highlighted as well in these proverbs. Evidently, this analysis is able to prove the relationship of language, society and thought in Malay proverbs based on the approach used.

Keywords: Malay intellectual, proverbs, culture, senses, inquisitive semantics

PENGENALAN

Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan kehalusan budi dan kelembutan berbahasa. Segala sesuatu hajat, hasrat dan permintaan tidak dinyatakan dengan cara berterus terang namun ia diungkapkan secara berkias dan berlapis agar tampak lebih sopan, misalnya melalui kiasan. Bahasa Melayu mempunyai tradisi gaya bahasa kiasan dan perbandingan. Penggunaan bahasa kiasan yang bersesuaian dengan suasana dan keadaan dapat meninggalkan

kesan serta menimbulkan keindahan. Bahasa kiasan pula dapat menyampaikan makna perasaan yang mendalam dan halus (Ahmad Ibrahim, 1997). Bahasa kiasan juga dapat mencerminkan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu.

Akal budi melihat hubungan bahasa, masyarakat dan pemikiran seseorang. Akal budi Melayu lahir melalui batin masyarakat Melayu itu sendiri. Hassan Ahmad (2003) menyamakan akal budi ini dengan nilai intelektual Melayu. Awang Had Salleh (1985) menjelaskan bahawa masyarakat Melayu amat menyanjung nilai budi sehingga budi itu diibaratkan sebagai sendi bangsa kerana jika runtuh budi maka akan runtuhlah sesuatu bangsa itu. Kajian akal budi yang dikaji ini melibatkan bahasa berkias, iaitu kiasan Melayu yang padanya terdapat peribahasa Melayu. Ini juga bermaksud akan mengaitkan sekali simpulan bahasa Melayu. Keistimewaan masyarakat Melayu terpancar kekayaannya melalui kiasan dalam pelbagai bentuk peribahasa di dalamnya. Hal ini ternyata disokong oleh Maxwell (1878), Wilkinson dan Winstedt (1957), Merder dan Mierder (1981), Mieder (1993), Albert N. Katz (1998), Zainal Abidin (2002), Hassan Ahmad (2003), Asmah Hj Omar (2008), Ding Choo Ming (2009), Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), dan Nor Hashimah (2014).

Menurut pengkaji tersebut, kehebatan bahasa kiasan (khususnya peribahasa) Melayu juga terletak kepada kekayaan isinya yang beraneka ragam. Peribahasa ini merangkumi keseluruhan aspek hidup seharian, budaya, alam flora dan fauna serta dunia ghaib. Hubungan antara pemikiran masyarakat dengan kekreatifan bahasa itu ditonjol dengan jelasnya dalam bahasa kiasan. Peribahasa ini wujud apabila

masyarakat Melayu bertembung dengan objek atau benda dan cara hidup serta perlakuan manusia, maka peribahasa ini dicipta dengan kreatif melalui akal budinya. Di samping itu, sarjana barat juga ada mengatakan bahawa peribahasa setiap bangsa itu istimewa dari segi tema dan motifnya. Peribahasa ini wujud berdasarkan sejarah penggunaan masyarakat bahasa tertentu dengan mengaplikasikannya mengikut situasi tertentu. Malah Maxwell (1878), Wilkinson dan Winstedt (1957) berpendapat cara terbaik yang mesti dikaji dalam memahami Melayu adalah melalui peribahasa dan pantun. Di sini jelas menunjukkan bahawa betapa relevannya peribahasa ini dikaji.

Takrifan yang diberikan oleh Pendeta Za'ba (2002) mempunyai kelainan tersendiri, iaitu peribahasa sebagai segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama disebabkan oleh sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakai akan dia jadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran. Asmah Hj Omar (2008) pula mengatakan bahawa pengalaman terkumpul yang diturun-temurunkan daripada nenek moyangnya, peraturan dalam hidup yang berpandukan ajaran agama dan amalan budayanya juga merupakan salah satu faktor wujudnya peribahasa. Nilai budaya Melayu terpancar dalam peribahasa yang wujud sehingga kini. Unsur nasihat, teladan, pengajaran dan adat Melayu dilahirkan melalui peribahasa Melayu. Realitinya, dapat diketahui dan dikenal pasti corak pemikiran masyarakat Melayu dalam peribahasa yang wujud sehingga kini.

Meneliti kesignifikanan peribahasa ini, maka kajian lanjutan peribahasa akan diteruskan. Kajian peribahasa ini akan

menumpukan salah satu deria manusia, iaitu deria rasa. Deria rasa ini merangkumi empat rasa asas, iaitu masam, manis, masin dan pahit (Aminah Abdullah, 2012). Lazimnya gula mempunyai rasa manis, garam rasa masin, asid rasa masam dan alkaloid seperti kafein mempunyai rasa pahit. Di samping itu, peribahasa Melayu yang dipilih tertumpu kepada empat jenis rasa dan asosiasinya yang dikaitkan dengan kehidupan, pemikiran, budaya dan akal budi orang Melayu. Rasa masam, manis, masin dan pahit digunakan dalam peribahasa Melayu untuk menggambarkan kehidupan masyarakat yang dipenuhi dengan pelbagai rencah rasa.

DERIA, BAHASA KIASAN DAN SAINS

Kajian berkaitan dengan deria ini telah pun dikaji dari pelbagai perspektif bukan sahaja hanya tertumpu kepada bidang sains tetapi boleh menyumbang dalam kajian kiasan Melayu juga. Antara pengkaji yang menjalankan kajian berkaitan deria, ialah Imran Ho (2000), Mohamed Akhiruddin Ibrahim, M.Y. Zulkifli dan Azniwati (2012), Rogayah (2012) dan Sew Sin San (2013). Imran Ho (2000) dan Rogayah (2012) telah menyumbang kajian tentang deria dalam bidang linguistik dan bahasa. Imran Ho telah mengkaji *Perluasan Semantik Kata Sifat Rasa: Manis, Masam, Pahit, Masin dan Tawar*. Menurutnya, kata sifat yang berkaitan deria rasa ini dianggap sebagai kata yang berpolisemi. Setiap kata sifat rasa menceritakan suatu deria rasa yang unik. Deria rasa manis contohnya selalu dikaitkan dengan makna asas rasa itu sendiri. Analisis leksikal-semantik kata sifat rasa seperti *manis*, *masam*, *pahit* dan *masin* jelas memperlihatkan bahawa peluasan leksikal kata sifat rasa berlaku secara sistematik.

Kajian seterusnya yang menumpukan deria pancaindera dilakukan oleh Rogayah yang melibatkan telinga, hidung, mata, tangan dan lidah. Rogayah (2012) dalam kajiannya yang bertajuk *Kesisteman Metafora Simpulan Bahasa* telah meneliti dan menganalisis simpulan bahasa yang berunsurkan anggota manusia, iaitu telinga, hidung, mata, tangan dan lidah. Peringkat pertama, kajian ini telah memaparkan proses peluasan makna kata lima anggota badan manakala peringkat kedua memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh mekanisme kognitif dalam penjanaan makna simpulan bahasa. Kemampuan teori semantik kognitif dalam penganalisan data telah disokong oleh bukti linguistik daripada data korpus.

Kajian deria dalam perspektif yang lebih luas terlihat pada kajian lain. Antaranya kajian dari sudut sains. Kajian deria yang dilakukan oleh Mohamed Akhiruddin Ibrahim, M.Y. Zulkifli dan Azniwati (2012) melihat keunikan biologi dalam Al-Quran dari perspektif sains. Kajian ini menyentuh tentang biologi manusia yang salah satunya merangkumi deria. Deria yang terlibat ini merupakan deria pendengaran dan penglihatan. Manakala Siew San (2013) dalam kajiannya membincangkan kesan penambahan tepung pisang terhadap sifat fizikokimia, nilai deria rasa dan pemakanan dalam roti gandum. Kajian yang dilakukannya tertumpu kepada bidang pemakanan dalam sains yang melibatkan sensori. Ternyata kajian deria ini sangat relevan untuk dikaji dalam pelbagai perspektif tidak kira bidang sains biologi, sains fizik, sains kimia, agama mahupun bidang linguistik dan bahasa. Perkara yang menarik kajian bahasa kiasan deria dapat memberikan maklumat berguna dalam memahami intelektual atau akal budi Melayu itu sendiri.

KAJIAN KIASAN MELAYU

Kajian kiasan Melayu terutamanya peribahasa mendapat perhatian daripada sarjana dari dahulu hingga ke hari ini. Malah kajian kiasan peribahasa dalam konteks artikel ini mengalami pemeringkatan kajian daripada bersifat deskriptif hinggalah ke saintifik. Maksudnya kajian ini ingin membuktikan secara teoretis kerelevanan peribahasa ini. Pengkaji yang telah meneroka bidang ini ialah Zainal Abidin (1934, 2002), Abdullah Hassan dan Aion Mohd (2010). Pemerian simpulan bahasa yang dilakukan oleh Za`ba lewat bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* (1934, 2002) menjurus kepada pendefinisian, kejadian (pembentukan) dan kegunaan unsur bahasa tersebut. Za`ba (1934, 2002) dalam tulisannya mentakrifkan peribahasa itu ialah rangkaian perkataan yang tetap, tersimpul dan terbeku dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas dan dipakai dengan erti yang khas yang berlainan daripada asalnya.

Abdullah Hassan dan Aion Mohd (2010) membincangkan bahasa kiasan dan menggolongkannya ke dalam dua jenis iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Kiasan yang sudah mantap dari segi bentuk bahasa dan makna diistilahkan sebagai peribahasa manakala kiasan yang tidak mantap bentuk bahasa dan makna diistilahkan sebagai bukan peribahasa. Contoh yang diberikan seperti bentuk *Kacang lupakan kulit* tidak dapat diubah sebagai *Kulit dilupakan oleh kacang* atau *Lupanya kacang kepada kulit*. Oleh itu, kiasan ini dikatakan sudah mantap dan menjadi peribahasa. Kajian ini mempunyai kekurangan iaitu hanya membawa makna asas dan belum dapat menjawab persoalan yang berkaitan pemikiran. Kumpulan kajian ini belum sampai ke tahap mencungkil apa yang tersirat dan memberikan makna sebenar sesuatu peribahasa itu.

Kajian kiasan kognitif dan akal budi Melayu telah melangkah satu tahap lagi berbanding dengan kajian sebelumnya. Kajian ini membincangkan peribahasa yang berhubung dengan pemikiran dan citra falsafah Melayu. Sarjana barat seperti Charteris Black (2000 dan 2003) telah mengkaji kiasan kognitif ini. Charteris Black (2000) telah menghasilkan beberapa kajian berkisar simpulan bahasa Melayu. Kajian pertama ialah *Figuration, Lexis and Cultural Resonance: A Corpus Based Study of Malay* yang meneliti simpulan bahasa berdasarkan anggota manusia iaitu *mata* dan *kaki* dan hubungan kognitif dengan penuturnya. Contohnya, MATA ADALAH SUMBER seperti mata pencarian, mata air manakala KAKI MENUNJUKKAN SESUATU YANG TIDAK BAIK seperti kaki judi, kaki botol dan kaki perempuan. Data yang diambil daripada korpus yang melebihi lima kekerapan untuk dianalisis menggunakan kunci konsepsi. Seterusnya kajian beliau yang berjudul *Speaking With Forked Tongue: A Comparative Study of Metaphor and Metonymy in English and Malay Phraseology* (2003) mengkaji bahasa figuratif yang melibatkan *mulut*, *bibir* dan *lidah*. Kajian kognitif ini hanya mengaitkan peribahasa dengan pemikiran kognitif tetapi tidak dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Kajian ini terasa kelompongannya dan boleh dikemas mengikut perspektif penutur jati.

Senario kajian hari ini telah berubah dan sekali gus mengubah persepsi terhadap kiasan Melayu yang wujud dalam masyarakat Melayu. Ketersiratan makna sesuatu peribahasa itu dapat dicungkil sehingga ke akal budi. Hassan Ahmad (2003) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam kajian mereka dapat mencari perkaitan dan ketersiratan makna kiasan sehingga akal budi Melayu. Hassan Ahmad

(2003) dalam kajiannya *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya* melihat pemikiran dalam metafora atau peribahasa Melayu. Menurutnya, ungkapan metafora konseptual ataupun abstrak tersebut tidak sahaja lahir secara spontan atau menurut sesedap rasa hati pemikinya sahaja, tetapi berdasarkan pengalaman yang berpanjangan dan melalui renungan akhiah pemikir Melayu berinteraksi dengan alam sekelilingnya. Dalam kajian yang dilakukan, makna 'kaki' tidak lagi menunjukkan ciri 'alas', 'tapak', atau 'bahagian bawah' tetapi sesuatu benda yang merujuk 'kaki botol', 'kaki judi', dan 'kaki perempuan'. Makna daripada domain fisiologi manusia atau haiwan dipetakan kepada domain sifat manusia dengan menggunakan makna 'kuat' seperti 'kuat meminum arak', 'kuat main judi', dan 'kuat main perempuan'. Beliau telah dapat menjawab dengan lebih baik pemilihan objek dalam simpulan bahasa berbanding dengan Charteris Black (2000).

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam bukunya yang bertajuk *Semantik dan Akal Budi Melayu* memperkenalkan pendekatan baru, iaitu Semantik Inkuisitif dalam meneroka makna dan falsafah di sebalik peribahasa ini. Inkuisitif bermaksud semangat ingin tahu serta dorongan untuk kita terus meneroka mencari jawapan kepada apa yang sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan itu supaya bertepatan dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan. Gagasan Nor Hashimah (2014) bertitik tolak daripada pendekatan ahli semantik terdahulu yang mengkaji bahasa Melayu. Ada tiga pendekatan yang diberikan; pertama mereka yang mengkaji makna luaran dan berasaskan pengamatan mudah. Kumpulan ini memberikan makna berdasarkan skrip yang terakam pada

dokumen yang ada atau melalui pemerhatian pada alam sekeliling mereka. Contohnya, para residen Inggeris seperti Swettenham dan penahu Melayu. Pada peringkat ini, makna yang asas sahaja yang diberikan. Peringkat kedua ialah pendekatan semantik resonans, iaitu pengkaji telah mula memasukkan elemen data, teori dan hubungannya dengan kognitif Melayu. Kajian kiasan tahap ini dipelopori oleh sarjana barat seperti Charteris Black (2000, 2003) dan beberapa orang ahli semantik di negara ini. Pendekatan terkini yang diberikan oleh Nor Hashimah adalah dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Pendekatan semantik pada peringkat ini menggabungkan data, teori, kognitif dan akal budi atau intelektual Melayu. Kebanyakan kajian kiasan terhenti setakat peringkat resonans tetapi kali ini, Nor Hashimah cuba menyingkap makna tersirat yang hendak disampaikan melalui peribahasa dan akhirnya dikaitkan dengan falsafah yang ingin diungkapkan. Selain makna dikupas, Nor Hashimah turut menjawab kenapa objek itu dipilih dalam bahasa kiasan tersebut.

Kajian Nor Hashimah mesti diteruskan dengan kajian mendalam terhadap peribahasa Melayu. Kajian ini melanjutkan dengan menekankan budaya dan akal budi Melayu untuk menjawab persoalan kenapa masyarakat itu memilih objek tersebut untuk diungkapkan dalam peribahasa. Jawapan bagi setiap persoalan itu bertepatan dengan citra dan falsafah penutur masyarakat Melayu itu sendiri dan dapat mencungkil ketersiratan makna sebenar yang hendak disampaikan dalam kiasan Melayu. Kajian ini juga bertujuan memperkukuh kajian semantik inkuisitif yang pada masa yang sama ingin melihat ketajaman akal budi masyarakat Melayu dalam bahasa kiasan.

Kajian asas seperti penyenaian makna, kajian kognitif yang tidak mengaitkan akal budi akan ditambah baik dengan kajian pengukuhan ini.

DATA LAMA NAFAS BARU

Data kajian diambil daripada Kamus Peribahasa Melayu, Kamus Istimewa Peribahasa Melayu dan Malay Civilization UKM, kemudian data ini dibahagikan kepada 4 sensa rasa, iaitu masam, masin, manis dan pahit serta asosiasinya. Jadual 1 menunjukkan contoh kiasan Melayu masam, masin, manis dan pahit. Jadual 2 pula menunjukkan contoh kiasan Melayu berasosiasi dengan deria rasa.

Kiasan Melayu ialah bahasa kiasan yang mempunyai dua lapisan makna. Lapisan pertama tidak dapat memberikan makna sebenar, iaitu lebih dikenali makna harfiah manakala lapisan kedua merupakan makna kompleks yang perlu dicungkil sehingga menemukan akal budi dan falsafah di sebaliknya. Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah menunjukkan paparan peratusan data bagi domain deria rasa dan asosiasinya. Dalam Rajah 1, kiasan Melayu berteraskan *pahit* menduduki tempat tertinggi, iaitu 38 peratus (%), diikuti *manis* 29 peratus (%), *masam* pula mencatatkan sejumlah 19 peratus (%) dan akhir sekali *masin* sebanyak 14 peratus (%). Berbeza pula pada Rajah 2 yang menunjukkan pecahan kiasan Melayu berasosiasi deria rasa. Kiasan Melayu yang berasosiasi dengan *masin* menduduki tempat tertinggi iaitu 52 peratus (%), diikuti dengan *manis* sejumlah 25 peratus (%), asosiasi kepada *masam* dan *pahit* pula masing-masing mencatatkan sejumlah 13 peratus (%) dan 10 peratus (%).

Kesemua bahasa kiasan ini dirungkai menggunakan rangka rujuk silang (RRS)

JADUAL 1


Contoh Kiasan Melayu Masam, Masin, Manis dan Pahit

Kiasan Melayu	Makna
<i>Masam bagai nikah tak suka</i>	Berdukacita
<i>Bermasam muka</i>	Berkecil hati antara satu sama lain
<i>Bagai limau masam sebelah</i>	Perintah atau hukuman yang tidak saksama
<i>Masam bagai nikah tak suka</i>	Berdukacita
<i>Masin lidah</i>	apa katanya dibenarkan orang; terbukti apa yang diucapkannya
<i>Belum tahu dimasin garam</i>	Belum ada pengalaman
<i>Merasai masin garam</i>	Mengalami hidup yang susah
<i>Hitam manis</i>	hitam kemerah-merahan
<i>Muka manis</i>	Air muka yang menarik hati; senang hati
<i>Darah manis</i>	Mudah mendapat bahaya atau kecederaan
<i>Pahit manis</i>	Bersama-sama dalam suka dan duka
<i>Pahit getir kehidupan</i>	Sakit senang hidup
<i>Pahit maung</i>	Segala bentuk kesusahan dan penderitaan yang dialami sepanjang hidup
<i>Pahit dahulu, manis kemudian</i>	Perjanjian hendaklah dibuat dengan syarat yang terang dan tegas supaya jangan timbul perselisihan dikemudian hari


JADUAL 2

Contoh Kiasan Melayu Berasosiasi dengan Deria Rasa

Kiasan Melayu	Makna
<i>Banyak makan garam</i>	Banyak pengalaman
<i>Aus telunjuk mencolek garam</i>	Orang yang hidup dalam kemiskinan dan melarat
<i>Sayang garam sececah, busuk kerbau seekor</i>	Kerana takut rugi sedikit, akhirnya jadi rugi banyak
<i>Seperti asam dengan garam</i>	Sepadannya benar ; kalau jodoh pasti bertemu
<i>Bagai melihat asam</i>	Sangat ingin, tertarik hati atau timbul nafsu
<i>Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan</i>	Jika sudah terlanjur membuat sesuatu yang tidak baik biarlah sampai beroleh hasilnya
<i>Ada gula adalah semut</i>	Di mana ada rezeki di situlah ramai orang
<i>Bagai menanam tebu di tepi bibir</i>	Memberikan janji manis
<i>Habis madu sepah dibuang</i>	Setelah tidak berguna, dibuang atau tidak diendahkan lagi
<i>Semanis-manis gula ada pasir di dalamnya</i>	Kata-kata yang manis itu biasanya mengandungi tipu muslihat
<i>Laut madu berpantalkan sakar</i>	Perkataan manis yang keluar daripada mulut orang yang elok rupanya
<i>Ibarat pahit-pahit peria dimakan juga</i>	Walaupun pahit, ada manfaatnya
<i>Sayang di sayang buah kepayang, ditelan pahit dibuang sayang</i>	Keadaan yang serba salah dalam menghadapi kekasih atau isteri yang curang
<i>Sepahit-pahit mambu, kelatny menjadi ubat</i>	Kadang-kadang nasihat yang pedas mendatangkan faedah daripada pujian yang mulia
<i>Bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit</i>	Mulut manis, hati busuk



Rajah 1 : Pecahan Kiasan Melayu Domain Deria Rasa



Rajah 2 : Pecahan Kiasan Melayu Berasosiasi Deria Rasa

yang diperkenalkan oleh teori Relevans. RRS membolehkan dua ayat yang tidak mempunyai rujukan khusus tetapi bantuan anteseden dan maklumat tambahan dapat digunakan berdasarkan konteks yang dibekalkan dalam ayat itu sendiri. Ungkapan yang digunakan dalam ayat akan pasti dapat membantu pentafsiran makna (Nor Hashimah 2008, 2009). Jadi, bahasa kiasan ini akan menggunakan RRS untuk menjawab persoalan kenapa objek itu dipilih dalam bahasa kiasan tersebut.

DERIA RASA DAN KIASAN: MAKNA MUDAH

Kajian ini dilakukan bertujuan mengemukakan pendekatan baharu untuk menjawab segala persoalan budaya sehingga ke akar umbi. Sebelum ini, kajian peribahasa yang ditonjolkan kurang menunjukkan ketersiratan makna hingga ke akal budi Melayu itu sendiri tetapi hanya setakat kognitifnya. Walaupun Hassan Ahmad (2003) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam kajian mereka lengkap dalam mencari perkaitannya dengan akal budi Melayu tetapi data yang dikaji agak terbatas. Dengan menggunakan data deria rasa ini, pastinya ia akan memperkukuh kajian bahasa kiasan ini.

Perbincangan analisis ini menumpukan kiasan yang memberikan makna mudah difahami iaitu yang tidak melibatkan pemprosesan yang tinggi. Setiap deria akan dipilih satu untuk tujuan analisis. Kiasan *manis* yang dikaji adalah seperti yang berikut.

Kiasan Melayu	Makna
<i>Muka Manis</i>	Air muka yang menarik hati; senang hati
<i>Darah Manis</i>	Mudah mendapat bahaya atau kecederaan

Kiasan *muka manis* bermaksud air muka yang menarik hati atau senang hati. Perkataan manis merujuk kepada sesuatu yang baik, sopan, beradab, menawan dan menarik. Apabila

dikaitkan dengan muka atau wajah, ia memberikan pancaran yang positif terhadap seseorang. Berikut merupakan contoh korpus bagi kiasan berikut:

- i. Encik yang budiman, di luar dugaan saya sama sekali, kerana sikap saya berubah, selalu merendah diri, menunjukkan ***muka manis***, baik dan berhati-hati mengeluarkan perkataan sewaktu bercakap, masyarakat tidak ragu-ragu menerima kembali.

Data korpus di atas merupakan pembuktian linguistik yang memperlihatkan penggunaan kiasan *muka manis*. Ayat di atas menunjukkan bahawa ungkapan *muka manis* dikaitkan dengan air muka yang menarik dan senang hati melalui RRS. Dalam ayat (i), frasa *merendah diri*, *baik* dan *berhati-hati mengeluarkan perkataan*, terdapat konotasi menunjukkan perwatakan baik seseorang. Ini ialah maklumat tambahan yang juga merupakan anteseden kepada *muka manis* ini dan membantu penginterpretasian makna yang dicari. Kenapa *muka* dan *manis* dipilih. *Muka* ialah wajah yang paling menonjol dapat dilihat apabila manusia berinteraksi. *Manis* pula berkaitan dengan deria rasa yang memberikan rujukan benda yang sedap, digemari dan boleh menzahirkan rasa ceria berbanding dengan pahit. Jadi *manis muka* diterjemahkan kepada *air muka yang menarik hati; senang hati*. Data korpus di atas mempertegas maksud simpulan bahasa ini.

Seterusnya, jadual di bawah menunjukkan contoh dua data kiasan rasa *pahit*.

Kiasan Melayu	Makna
<i>Pahit maung</i>	Segala bentuk kesusahan dan penderitaan yang dialami sepanjang hidup
<i>Ibarat pahit-pahit peria dimakan jua</i>	Walaupun pahit, ada manfaatnya

Berdasarkan data di atas, kiasan *pahit maung* membawa maksud segala bentuk kesusahan dan penderitaan yang dialami sepanjang hidup. Contoh ayat korpus di bawah dapat membantu dalam menyampaikan maksud kiasan ini.

- ii. Menurut Mohd. Sofiadin, TRSB telah dibangunkan sehingga mencapai ke tahap ini setelah melalui bermacam-macam halangan dan ***pahit maung*** dalam tempoh lebih 10 tahun yang lalu.

Data korpus di atas menunjukkan bukti linguistik dalam memperlihatkan penggunaan kiasan *pahit maung*. Frasa *bermacam-macam halangan* dan *tempoh lebih 10 tahun yang lalu* itu merujuk kepada kiasan ini. Secara tersuratnya, pahit membawa maksud rasa seperti rasa hempedu tetapi tersiratnya, perkataan pahit ini membawa makna susah, sukar, payah, menyakitkan hati dan menyusahkan hati manakala maung ialah rasa atau bau yang memualkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Begitu jugalah dapat difahami dengan penderitaan yang dialami oleh seseorang sepanjang hidup. RRS dapat mengaitkan frasa *bermacam-macam halangan* dan *tempoh 10 tahun* dengan makna pahit maung. *Halangan* mempunyai konotasi negatif malah makna harfiahnya telah dapat menjelaskan ungkapan

tentang kesusahan yang dialami ini. Dengan adanya korpus dan RRS, ia mempermudah pemahaman pada simpulan bahasa ini.

Bagi kiasan *masam* pula, terdapat dua contoh yang diberikan dalam jadual di bawah, iaitu seperti limau masam sebelah dan bermasam muka.

Kiasan Melayu	Makna
<i>Seperti limau masam sebelah</i>	Perintah atau hukuman yang tidak saksama
<i>Bermasam muka</i>	Berkecil hati antara satu sama lain

iii. Seorang pemimpin yang tidak adil adalah sama ***seperti limau masam sebelah*** dan perahu karam sekerat. Mereka bersikap tibadi mata dipicingkan (maksudnya memejamkan mata), dan menyangkal dakwaan yang dikenakan terhadap waris yang bersalah.

Dalam ayat (iii) di atas, ungkapan *seperti limau masam sebelah* merujuk kepada hukuman yang tidak saksama. *Limau masam* sebelah ini membawa maksud isi limau yang sudah rosak sebelah dan tidak suka dimakan orang. Begitulah juga dapat difahami dengan penggunaan objek limau masam ini seperti hukuman yang berat sebelah. Dengan menggunakan RRS, frasa *pemimpin yang tidak adil*, *perahu karam sekerat*, *memejamkan mata* dan *menyangkal dakwaan* yang dikenakan terhadap waris yang bersalah merujuk kepada maksud kiasan ini. Pemilihan *limau* bertepatan dengan ciri semula jadinya yang masam dan kadang kala boleh memudaratkan. Begitu juga dengan sistem yang tidak adil boleh menyebabkan perasaan tidak puas hati pada orang yang teraniaya.

Berikut merupakan contoh kiasan bagi *masin*, iaitu *masin lidah*.

Kiasan Melayu	Makna
<i>Masin lidah</i>	Apa katanya dibenarkan orang; terbukti apa yang diucapkannya
<i>Belum tahu dimasin garam</i>	Belum ada pengalaman

Bukti masin lidah dapat dilihat daripada contoh korpus di bawah:

iv. “.....Kalau kaumau jadi pemimpin rakyat, kau memang layak. Apa yang kau cakap Y.B. dengar. Y.B. akan menyampaikan maklumat kepada pihak yang lebih tinggi. ***Lidahkau masin***, Di jelas Mat Geli. Dia memancing pengetahuan Chundi.

Dalam frasa *apa yang kau cakap Y.B. dengar* telah menjelaskan tutur kata yang akan memberikan kesan dan kepercayaan kepada orang yang mendengar. Ia merupakan maklumat tambahan yang boleh membantu pembaca memahami maksud di atas. Persoalan ini dapat dilihat kenapa lidah yang dipilih dan digabungkan dengan masin untuk menggambarkan percakapan positif. Kenapa tidak menggunakan manis untuk menggabungkan menjadi kiasan lidah manis tetapi mulut manis. Secara alamiahnya, lidah merupakan organ lembut di

dalam mulut yang digunakan untuk merasa dan berkata-kata. Kenapa pula dikaitkan dengan masin kerana rasanya seperti rasa garam. Garam ini selalu dikaitkan dengan pengalaman. Maka, orang yang berpengalaman tentunya apa yang dikatanya betul-betul berlaku. Ini selari dengan semua kiasan yang berkaitan ‘masin’ akan merujuk kepada cakap-cakap yang boleh dipercayai.

Perhatikan bahawa semua makna mudah bahasa kiasan ini dibuktikan secara linguisitik dengan melihat kepada anteseden dan konteks sebagai maklumat tambahan kepada maksud yang hendak disampaikan. Meskipun makna bahasa kiasan ini nampak mudah dan harfiah tetapi tetap wujud ketersiratan yang mesti dicungkil maksudnya. Objek yang dipilih menampakkan keserasian antara deria dengan sensanya. *Manis* dikaitkan dengan *muka* dan *darah*. Kedua-duanya ada kaitan dengan ‘mudah, suka dan tarikan’. Begitu juga ‘pahit’ dikaitkan dengan penderitaan kerana semua benda pahit tidak akan digemari. Limau pula adalah terkenal dengan ciri masam. Ia bukan sahaja menghasilkan rasanya yang tidak enak malah juga perasaan sekali. Manakala ‘masin’ selalu dirujuk kepada tutur kata dan sebab itu dikaitkan dengan lidah kerana lidah ialah artikulator yang bersinonim dengan bahasa (Nor Hashimah, 2007). Jelasnya dengan menggunakan data korpus, dibantu oleh RRS, maka maksud peribahasa dan kenapa objek itu dipilih sudah terjawab. Di sini adanya data yang memperlihatkan objek yang dipilih, kognitifnya melalui tafsiran semantik dan akhirnya nilai, inkuisitif iaitu jawapan kepada kenapa objek dan makna tersebut yang dipilih. Ini memperkukuh pendekatan semantik inkuisitif yang bertujuan mencari makna bahasa kiasan beserta akal budi penuturnya sekali.

DERIA RASA DAN KIASAN: MAKNA KOMPLEKS

Umum mengetahui bahawa bahasa kiasan mempunyai makna tersirat malah terdapat juga kiasan yang mempunyai makna kompleks. Ini selalu dapat dilihat pada kiasan yang berasosiasi dengan deria. Kewujudan kiasan yang mempunyai makna kompleks lebih mencabar dan perlu dicungkil sehingga ke akal budi Melayu. Kiasan ini mempunyai ketersiratan makna dan menggambarkan citra falsafah masyarakat Melayu dalam penggunaan sesuatu objek tersebut.

Dalam bahagian ini, ada tiga peribahasa yang berasosiasi dengan deria dipaparkan. Bagi peribahasa kompleks ini, sensa deria tidak dinyatakan secara eksplisit tetapi implisit. Maka bukan sahaja maknanya tersirat tetapi ciri objek itu yang akan memberi petua kepada interpretasi yang dikehendaki. Berikut merupakan analisis kiasan ‘bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit’ yang bermaksud mulut manis, hati busuk.

- i. “Sampai bila-bila pun aku tidak akan percaya kalau Ramlah berjanji hendak menolongku kerana dia ***bagai timun dendang, di luar merah di dalam pahit***,” kata Sofea kepada Nani.

Data korpus di atas merupakan bukti linguistik yang memperlihatkan frasa *tidak akan percaya* dan *berjanji hendak menolongku* merujuk kepada seseorang yang pandai berkata-kata tetapi tidak menunaikan janjinya. Ciri ini dapat diaplikasikan kepada Ramlah

yang hanya bermulut manis tetapi berhati busuk dan sukar membantu kawannya yang memerlukan pertolongan. Dalam RRS, frasa *tidak akan percaya* dan *berjanji hendak menolong* ialah ciri negatif yang ada pada Ramlah yang boleh dikaitkan dengan ciri si *timun dendang*. Natijahnya, Sofea sudah tidak percaya lagi kepada Ramlah.

Ciri semantik inkuisitif boleh diperhatikan di sini. Persoalan kepada kenapa ‘timun dendang’ dipilih untuk menggambarkan tingkah laku negatif. Timun secara alamiahnya sedap dijadikan ulam-ulaman dan jeruk. Jika dilihat berdasarkan struktur timun itu sendiri, ia merupakan sejenis tumbuhan memanjat dan mempunyai akar bercabang tiga. Warna timun dendang di luar kelihatan sangat menarik, iaitu berwarna merah tetapi rasa di dalamnya pahit. Ini boleh dianalogikan dengan kata-kata manis sesuai dengan warna merah yang menarik tetapi mempunyai ciri yang pahit. Perhatikan pula adanya persamaan akar bercabang dan lidah bercabang. Ini dapat disamakan dengan akar tunjang kepada pokok manakala lidah merupakan tunjang kepada mulut. Akar bercabang ini dapat dikaitkan dengan lidah bercabang, iaitu kata-kata yang tidak boleh dipercayai. Ditambah pula, hati busuk dapat digambarkan dengan kepahitan rasa timun dendang itu. Ciri ini dapat diaplikasikan terhadap manusia yang mempunyai mulut yang manis tetapi berhati busuk. Di sini kita dapat mengenal pasti nilai keintelektualan peribahasa ini melalui pendekatan semantik inkuisitif.

Analisis seterusnya dilakukan bagi kiasan ‘laut madu berpantaikan sakar’ bermaksud perkataan manis yang keluar daripada mulut orang yang elok rupanya.

- ii. “Bakal suami Julia itu baik macam ***laut madu berpantaikan sakar***. Budi bahasanya tinggi, tutur katanya lembut, berpendidikan tinggi dan berpangkat tinggi,” kata Sheila kepada Aida.

Dalam ayat di atas, ungkapan *baik*, *budi bahasanya tinggi*, *tutur katanya lembut*, *berpendidikan tinggi* dan *berpangkat tinggi* masing-masing merujuk kepada sifat positif yang terdapat dalam diri bakal suami Julia. Leksikal *baik*, *budi bahasa* dan *lembut* selalu digunakan untuk memuji seseorang dan apabila pujian ini dilontarkan, pasti orang tersebut sangat elok peribadinya serta manis pada pandangan orang lain. Di sini jelas bahawa perkataan yang manis keluar daripada pertuturan seseorang dapat menggambarkan tingkah laku yang positif. Sekali lagi RRS berperanan menjadi penerang kepada maksud yang hendak disampaikan. Kesemua frasa yang digaris boleh dikaitkan dengan peribahasa tersebut. Maklumat tambahan membantu pendengar memproses dengan lebih mudah meskipun makna ini mengandungi makna tersirat yang perlu dicungkil. Meskipun tidak dinyatakan perkataan *baik* secara harfiah, kita dapati tafsiran makna berdasarkan konteks mampu mengaitkan makna yang hendak dicungkil.

Sekali lagi ciri inkuisitif dapat dikesan. Persoalan ini dapat dilihat kenapa laut dengan pantai dipadankan dan madu dengan sakar dipilih untuk menggambarkan percakapan positif. Laut dan pantai ini seperti irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Jika tiada laut masakan ada pantai. Laut secara semula jadinya menggenangi sebahagian besar daripada muka bumi, manakala pantai merupakan tebing atau tepi laut yang diliputi

pasir. Jika dilihat pula kenapa madu dan sakar. Madu merupakan cecair manis yang terdapat dalam sarang lebah dan bunga manakala sakar pati air gula pasir yang manis rasanya. Kedua-dua pasangan ini merupakan pasangan yang sempurna yang dapat disamakan dengan pertuturan dan perwatakan seseorang yang terlalu sempurna. Madu sendiri sudah manis, apabila ditambah dengan sakar atau gula, manis itu akan lebih sempurna. Laut yang terbentang semakin cantik dengan pasir yang memutih. Begitulah dapat difahami dalam menggambarkan seseorang yang elok rupanya dan mempunyai peribadi yang baik. Terdapat bukti penggunaan kiasan ini dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kiasan yang dicipta oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi sememangnya bukan mempunyai makna yang kosong, namun kiasan ini dapat memancarkan akal budi Melayu.

Bagi data ‘alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan’ ini bermaksud jika terlanjur membuat sesuatu kerja itu, mestilah bersungguh-sungguh hingga beroleh hasilnya. Berikut merupakan contoh bukti korpus yang menunjukkan penggunaan kiasan ini.

iii. “Sabarlah. ***Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan***.

Jangan mudah kita berputus asa. Kita cuba lagi untuk beberapa hari.”

Berdasarkan ayat di atas, frasa *janjan mudah kita berputus asa* boleh dipautkan kepada kepada makna kiasan ini melalui RRS. Kenapa kiasan ini digunakan untuk menggambarkan tingkah laku positif. Persoalan ini dapat dilihat kepada kenapa objek *pekasam* dan *pangkal lengan* dipilih. *Pekasam* ini sememangnya merupakan sejenis makanan peram tradisi yang terkenal dan sangat sedap dimakan kerana ada adunan rasa masin dan masamnya. Namun, pekasam mengeluarkan bau yang kurang enak. Masyarakat dahulu sememangnya menggunakan tempayan untuk meletakkan pekasam yang diperam. Untuk mengambil pekasam tersebut, seseorang perlu menyeluk ke dalam tempayan. Alang-alang terkena jari dan tangan, biar diseluk sampai ke pangkal lengan untuk mengambilnya kerana walaupun terkena sedikit, bau busuknya tetap melekat. Begitulah dapat difahami dengan sudah terlanjur untuk membuat sesuatu kerja itu biarlah bersungguh-sungguh, sedalam ukuran pangkal lengan. Biarlah hasilnya nampak walaupun terpaksa bertungkus lumus dan menghadapi dugaan berat dalam melakukannya.

Sekali lagi dapat dibuktikan bahawa meskipun kiasan yang mempunyai makna yang kompleks tetapi berbantuan pendekatan semantik inkuisitif yang menggabungkan teori semantik dan dikaitkan dengan akal budi penuturnya, kita akan dapat mencari makna kiasan yang dihajati. Malah kita dapat mencari jawapan kepada mengapa sesuatu objek peribahasa dipilih dalam memperkukuh gambaran makna yang hendak disampaikan. Ada sebab timun dendang yang merah menarik dikaitkan dengan rasa pahit. Ada keserasian antara laut dengan pantai dan madu dan sakar untuk menggambarkan kesempurnaan wajah dan watak seseorang. Begitu juga adalah berbaloi berusaha bersungguh dengan kesetimpalan hasil yang bakal diperoleh meskipun apa yang hendak dicapai itu banyak rintangannya sebagaimana busuknya pekasam tetapi setimpal dengan keenakan rasa ikan yang diidamkan.

KESIMPULAN

Keunikan budaya masyarakat dan akal budi Melayu disampaikan secara tersurat dan tersirat melalui kiasan Melayu. Kiasan Melayu sememangnya begitu rapat dengan pemikiran serta kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Kiasan Melayu yang berunsurkan deria rasa masam, masin, manis dan pahit dan asosiasinya ini dapat dirasakan apabila falsafah, makna dan sebab yang terkandung di dalamnya dapat dicerna dan difahami secara mendalam. Di samping itu, kajian ini dapat menyumbang dari pelbagai sudut, terutamanya falsafah pemikiran Melayu melalui kiasan. Persoalan kenapa sesuatu objek yang berunsurkan deria rasa itu dipilih dapat diteroka sehingga menemukan jawapannya. Tambahan pula, kajian ini dapat meneliti perkaitan antara kiasan Melayu dengan budaya dan akal budi penutur. Penyelidikan ini juga dapat memberikan gambaran yang tepat dan menyeluruh kepada sarjana Barat yang berminat untuk mendalami budaya hidup dan budaya komunikasi masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2010). Kamus Pepatah, Bidalan dan Perumpamaan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain. (2007). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim. (1997). *Flora dan Fauna dalam Peribahasa: Cerminan Falsafah dan Pemikiran Jabatan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Albert N. Katz. (1998). *Figurative Language and Thought*. Oxford: Oxford University Press.
- Aminah Abdullah. (2012). *Makanan dan Sensori*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1985). *Adat Sopan dan Budi Bahasa*. Bandar Darulaman: Universiti Utara Malaysia.
- Charteris Black. (2000). Figuration, Lexis and Cultural Resonance: A Corpus Based Study of Malay. *Journal of Pragmatics*, 10(3), 281-300.
- Charteris Black. (2003). Speaking With Forked Tongue: A Comparative Study of Metaphor and Metonymy in English and Malay Phraseology. University of Surrey: Department of Linguistic, Cultural & International Studies. *Metaphor and Symbol*, 18(4), 289-310.
- Ding Choo Ming. (2009). Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 3-26.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan.
- Imran Ho. (2000). Perluasan Semantik Kata Sifat Rasa: Manis, Masam, Pahit, Masin dan Tawar. *Jurnal Dewan Bahasa* Jilid 44, Bil 5.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maxwell, W. E. (1878). Malay proverbs. Pt. I. *JSBRAS*, 1(July), 85-98.
- Mieder, W. (1993). *Proverbs are Never Out of Season: Popular Wisdom in the Modern Age*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, M.Y. Zulkifli dan Azniwati. (2012). Kemukjizatan Biologi dalam Al-Quran dari Perspektif Sains: Satu Tinjauan. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Pemartabatan Bahasa Melayu: Mengenali Falsafah Bahasa Melayu. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah Osman. (2012). *Kesisteman Metafora Simpul Bahasa: Analisis Semantik Kognitif*.

- (Tesis PhD.) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sapinah Said. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Bangi: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Sew Sin San. (2013). *Kesan Penambahan Tepung Pisang Terhadap Sifat-Sifat Fizokimia, Nilai-Nilai Deria Rasa dan Pemakanan dalam Roti Gandum*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Wilkinson, R. J. & Richard Winstedt. (1957). *Malay grammar*. Oxford: Clarendon Press.
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma & Ahmad Fuad. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

